

An excerpt from *Sang Perawat*

Pada suatu hari di musim tengkujuh, Sekar sedang membuat sejenis ramuan yang diperbuat daripada bunga kenanga apabila loceng pintu berkerincing. Dia melihat Bidin di muka pintu, tubuh Bidin hampir menempel ke dinding. Matanya bengkok seperti sudah lama menangis.

“Kak, Emak pesan supaya beli bunga kantan,” kata Bidin dengan perlahan.

Dengan serta-merta, seperti filem yang bermain di layar, terpancar babak memperlihatkan Bidin sedang berdiri di tepi sebuah gelongsor. Bidin sedang menangis kerana diejek oleh kawan-kawannya. Mereka melemparkan kata-kata cacian kerana Bidin daripada keluarga miskin. Nista telah melengket di hati lembut anak berusia 10 tahun itu.

Bunga mawar bisa mengubah aura seseorang. Berkilauan, menawan teman-teman. Sekar teringat akan kata-kata Tok Sembahyang.

Jari-jari Sekar yang persis jari-jari Nek Mana dengan pantas mencapai sekuntum bunga kantan lalu membungkusnya dengan sekeping kertas surat khabar. Sebelum dia menoleh ke arah Bidin, Sekar mencecah jari telunjuknya ke dalam sebuah botol kaca.

“Bidin, beritahu Emak kakak beri bunga ini secara percuma. Sebelum kamu pulang, mari sini. Salam kakak dahulu,” kata Sekar dengan nada yang lembut.

Bidin membuka langkah mendekati Sekar. Tangan kanannya menyambut tangan kanan Sekar. Ketika Bidin mencium tangan Sekar, Sekar memalit setetes minyak mawar Bulgaria ke pergelangan tangan Bidin. Kemudian, Bidin menarik nafas untuk menyedut sekuatnya wangian bunga di tangan Sekar sehingga habis penderitaannya.

“Tangan Kak Sekar selalu wangi,” kata Bidin tertunduk malu.

Dia mengambil bungkus yang diberikan oleh Sekar. Beberapa detik berlalu sebelum sentuhan Sekar seolah-olah membakar tangannya. Namun kehangatan itu tidak menyakiti. Bahkan, menenangkan. Ibarat menikmati jagung bakar ketika hari hujan. Dengan pantas dia meninggalkan toko itu.